



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TINGKAH LAKU KEPIMPINAN PENGETUA
WANITA DI SEKOLAH MENENGAH
GRED A DAN B: SATU
KAJIAN KES**

NORHAYATI BT KHAMIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku sesungguhnya disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

23.3. 2006

NORHAYATI BT KHAMIDIN
(M20041000088)



PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera....

Dengan nama Allah yang maha Pemurah dan Penyayang.

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah s.w.t di atas hidayah, petunjuk serta limpah kurnia Nya dapat saya menyiapkan kajian ini sebagaimana yang dihasratkan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terimakasih ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohd Sheffie Abu Bakar dan Cik Hartini bt Jaafar selaku penyelia kertas projek ini di atas segala bimbingan dan nasihat yang amat berharga dan tidak jemu-jemu selalu memberi bimbingan dan petunjuk yang sangat berguna kepada saya, sekalipun kesibukan melanda mereka setiap masa di sepanjang tempoh menyiapkan kertas projek ini.

Penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada para pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi yang telah mencurahkan ilmu dan bantuan selama saya menuntut ilmu, terutama kepada Ucapan terima kasih juga buat Prof. Madya Dr Omar Bin Abdull Kareem, kakitangan perpustakaan, makmal, pusat pasca siswazah dan seluruh keluarga UPSI. Tidak lupa juga, ucapan terimakasih di atas kerjasama yang diberikan oleh JPN, PPD, dan PSPN, Pengetua, Guru-guru, pentadbir serta kakitangan sekolah yang mana kajian dilakukan serta semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Penghormatan tidak terhingga ke ribaan yang dirindukan ibunda Saribah bt Ahmad dan ayahanda Khamidin b Ahad Lion yang sentiasa mencurahkan kasih dan pembakar semangat menuju kejayaan dalam kehidupan. Begitu juga kepada Abang Mohd Nor dan Nazri, adik Norhasimah dan Ahmad Norsham yang memberi sokongan cita-cita suci ini. Akhir sekali ucapan terimakasih juga kepada rakan serumah yang banyak membantu menjaga menyempurnakan penyelidikan ini sehingga saya berjaya menyiapkan kertas projek ini dengan sebaiknya dan tepat pada masa.

Sesungguhnya saya bermohon kepada Allah s.w.t, semoga memberikan keberkatan kepada semua yang memberi bantuan serta menjadikan hasil kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada semua.
Wassalam..

(NORHAYATI BT KHAMIDIN)

No matriks: M20041000088

Sarjana Pengurusan Pendidikan

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi



ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tingkah laku kepimpinan pengetua wanita di sekolah Menengah gred A dan B di Kelompok 1, Daerah Kinta Perak Darul Ridzuan. Kajian kes ini cuba melihat jenis tingkah laku yang diamalkan oleh pengetua wanita di sekolah menengah gred A dan gred B. Gaya kepimpinan dikaji adalah berfokus kepada struktur tugas dan timbang rasa. Instrumen Leadership Behavior Description Questionnaire (LBDQ) telah digunakan. Soal selidik ini digunakan untuk menilai persepsi guru terhadap tingkah laku kedua-dua pengetua mereka. Subjek dalam kajian ini terdiri dari dua orang pengetua wanita dari sekolah gred A dan B. Seramai 60 orang responden diambil dimana 30 orang responden bagi setiap gred sekolah. Data diproses dan dianalisa menggunakan SPSS (Statistical Package for social science) versi 12. Statistik diskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai untuk mengenalpasti tingkahlaku pengetua. Ujian-t diguna untuk melihat perbezaan antara sekolah gred A dan B. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan bersignifikan antara min skor sekolah gred A dan gred B pada paras signifikan $\alpha = 0.05$. Korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara gred sekolah dan stail tingkahlaku kepimpinan. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua pengetua samada sekolah gred A dan gred B, mengamalkan tingkah laku kepimpinan berorientasi tugas berbanding orientasi timbangrasa. Keputusan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan persepsi antara jantina responden bagi kedua-dua jenis sekolah.





ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix



Bab 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan masalah	2
1.3	Tujuan kajian	4
1.4	Kerangka Teori kajian	5
1.5	Definisi Istilah	6
1.6	Kepentingan kajian	9
1.7	Batasan Kajian	11



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Wanita Wanita Dalam Kepimpinan Pendidikan	12
2.3	Teori Kajian Kepimpinan Dua Faktor	17
2.4	Kajian Luar Negara	21
2.5	Kajian Dalam Negeri	22
2.6	Rumusan	24

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	26
3.2	Populasi dan Persampelan	27
3.3	Diskripsi Instrumen kajian	29
3.4	Pecahan pembahagian item dalam soal selidik	31
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	33
3.6	Kaedah Pengumpulan data	34
3.7	Prosedur mengutip data	35
3.8	Prosedur memproses data	38

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	37
4.2	Demografi Responden	38
4.2.1	Demografi Responden keseluruhan	38
4.2.2	Demografi Responden mengikut gred sekolah	44
4.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	51
4.4	Tingkahtlaku Kepimpinan Pengetua Wanita	52
4.4.1	Tingkahtlaku Kepimpinan Pengetua Wanita Keseluruhan	53





4.4.2	Tingka hlaku Kepimpinan Pengetua Wanita di sekolah Gred A	53
4.4.3	Tingka hlaku Kepimpinan Pengetua Wanita di sekolah Gred B	54
4.5	Perbezaan Persepsi Tingka hlaku Kepimpinan Pengetua Wanita	55
4.5.1	Perbandingan Antara Orientasi Tingka hlaku	56
4.6	Perbandingan Antara Jantina Responden	58
4.7	Perbandingan Antara Tempoh Mengenal Pengetua	60

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	62
5.2	Huraian dapatan kajian demografi sekolah gred A dan B	62
5.3	Huraian dapatan Tingka hlaku Kepimpinan Pengetua Wanita di sekolah Gred A dan B	64
5.4	Huraian perbincangan kajian	65
5.5	Cadangan dan Rumusan kajian lanjutan	68
5.6	Cadangan untuk Penyelidikan akan datang	69
5.7	Penutup	70

RUJUKAN

LAMPIRAN

Jadual Perancangan kertas projek
Surat Perlantikan Penyelia
Surat Kebenaran EPRD
Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri
Borang Soal Selidik
Analisa data SPSS





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Bilangan Responden Mengikut Gred Sekolah	37
4.2 Bilangan Responden Mengikut Jantina	38
4.3 Bilangan Responden Mengikut Umur	38
4.4 Bilangan Responden Mengikut Keturunan	39
4.5 Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	39
4.6 Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas Tertinggi	40
4.7 Bilangan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat Dalam Pendidikan	41
4.8 Bilangan Responden Mengikut Kategori Perkhidmatan	41
4.9 Bilangan Responden Mengikut Tempoh Mengenali Pengetua Mereka	42
4.10 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Jantina	43
4.11 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Umur	44
4.12 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Keturunan	45
4.13 Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	46
4.14 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Kelulusan Ikhtisas Tertinggi	47
4.15 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Tempoh Berkhidmat Dalam Pendidikan	48
4.16 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Kategori Perkhidmatan	49
4.17 Bilangan Responden Berdasarkan Gred Sekolah Mengikut Tempoh Mengenali Pengetua Mereka	49
4.18 Min Skor kedua-dua orientasi tingkah laku kepimpinan pengetua wanita	52
4.19 Min Skor kedua-dua orientasi tingkah laku kepimpinan pengetua wanita sekolah gred A	53
4.20 Min Skor kedua-dua orientasi tingkah laku kepimpinan pengetua wanita sekolah gred B	54
4.21 Dapatan ujian-t bagi kedua-dua gred sekolah berbanding tingkah laku kepimpinan pengetua wanita	55
4.22 Dapatan ujian korelasi pearson bagi gred sekolah berbanding tingkah laku kepimpinan pengetua wanita berorientasi struktur tugas	57
4.23 Dapatan ujian-t bagi kedua-dua tingkahlaku kepimpinan berbanding jantina responden	58
4.24 Dapatan ujian-t bagi kedua-dua tingkahlaku kepimpinan berbanding jantina responden	60





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1.	Hubungan Pemboleh ubah bebas dan bersandar	6
2.1.	Dimensi Orientasi Tingkah laku pemimpin	20
3.1	Proses Pemilihan populasi dan sampel Kajian	27
3.2.	Perincian item soal selidik	29
3.3	Bidang kajian	33





SENARAI SINGKATAN

DBP	=	Dewan Bahasa dan Pustaka
LBDQ	=	Leadership Behavior Description Questionnaire
SMK	=	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPP	=	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
UPSI	=	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	=	Statistical Package for Social Science





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Pengetua adalah sebagai ketua pentadbir pendidikan di peringkat sekolah. Mereka merupakan pemimpin pendidikan yang bertanggungjawab memudahkan pembangunan, pembentukan, mengimplementasikan dan memelihara visi sekolah yang dikongsi dan disokong oleh seluruh komuniti sekolah untuk pencapaian pelajar.

Isu gender pula adalah satu isu yang sering diperkatakan dalam dunia pendidikan terutama dalam bidang pentadbiran. Wanita yang berkecimpung dalam pentadbiran pendidikan semakin bertambah dan melalui kajian mendalam yang dilakukan, telah menunjukkan kesesuaian dan keunikan kepimpinan wanita sebagai pengetua dan pemimpin pengurusan sekolah menengah selari dengan tuntutan masa kini yang memerlukan satu perubahan dalam kepimpinan.





Shakeshaft (1987) telah melaporkan bagaimana sebelum ini, seluruh struktur birokrasi organisasi lebih dipengaruhi oleh karektoristik kelakian. Logan dan Scollay (1999) pula menulis mengenai gaya kepimpinan kewanita-an yang tidak mendapat perhatian dalam amalan masa lepas dan dalam struktur organisasi. Ini menimbulkan konflik yang menidakkan kebolehan wanita sebagai pemimpin.

Namun kini, ia telah berlaku sebaliknya. Pengetua wanita telah mula menguasai arena kepimpinan pendidikan di peringkat sekolah. Cara kepimpinan yang baru ini bukan sahaja mendapat perhatian para penyelidik dan para pengkaji, tetapi juga agensi-agensi profesional yang menyediakan alat pengukuran kepimpinan dan pemimpin-pemimpin pendidikan.



1.2 Pernyataan Masalah

Bukanlah suatu yang menghairankan untuk mengatakan bahawa pendidikan adalah satu-satunya profesion yang melibatkan majoriti pekerjaanya terdiri dari wanita tetapi kebanyakan organisasi ini adalah di bawah pengurusan pihak lelaki. Beberapa dekad yang lepas kajian terhadap kepimpinan wanita dalam pendidikan telah dijalankan cara kualitatif dan kuantitatif untuk mengenal pasti sama ada wanita mampu dan boleh memimpin komuniti pendidikan dengan cara yang berkesan (Eckman, 2000).

Mengikut maklumat dari Unit Data, Bahagian perancangan dan penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2004) menunjukkan guru wanita di sekolah



Menengah adalah 83 815 orang (64.29%) berbanding guru lelaki iaitu 46 551 (35.71%). Jumlah keseluruhan kakitangan perguruan adalah 130 372 orang. Ini menunjukkan peluang untuk guru wanita dinaikkan pangkat sebagai pengetua adalah tinggi kerana di Malaysia, sistem kenaikan pangkat adalah berasaskan tempoh perkhidmatan.

Struktur organisasi di masa lampau secara tradisinya lebih memfokuskan kepada karektoristik kelakian. Menurut Ortiz (Hussine, 1998), wanita kurang sesuai untuk kerja pentadbiran. Dalam jangkamasa yang lepas karektoristik kewanitaian dianggap lemah berbanding dengan gaya kepimpinan lelaki.

Apa yang menjadi isu ialah sama ada wanita dan lelaki mempunyai gaya kepimpinan yang berbeza. Ada yang mengatakan pemimpin lelaki lebih direktif manakala perempuan lebih berperikemanusiaan. Kajian awal pula menunjukkan wanita cenderung untuk menggunakan gaya orientasi yang bersifat kemanusiaan, mementingkan hubungan di antara pekerja dan pengikut (Shakeshaft, 1987).

Kepimpinan wanita amat mempengaruhi kejayaan sesebuah organisasi sekolah. Ini kerana tingkah laku kepimpinan dipercayai adalah satu komponen penting dalam proses pentadbiran dan juga merupakan faktor penting dalam meningkatkan prestasi kerja dan kepuasan pekerja bawahan. Keberkesanan kepimpinannya akan membawa perubahan dan kejayaan sesebuah organisasi dalam konteks kepimpinan. Kebanyakan kajian awal pula melihat karektor wanita dalam kepimpinan sebagai lemah terutama dilihat daripada sudut pandangan lelaki. Kajian juga agak kurang dilakukan untuk melihat karektor wanita sebagai pemimpin di sekolah.

Rumusan kajian akan cuba mencari jawapan daripada sudut persepsi guru-guru di sekolah tersebut berkaitan tingkah laku pengetua wanita mereka berkenaan orientasi tingkah laku kepimpinan yang diamalkan di sekolah Menengah gred A dan sekolah Menengah gred B sama ada menjurus kepada tingkahlaku kepimpinan berorientasi struktur tugas ataupun berorientasi pertimbangan dalam iklim gaya kepimpinan beliau. Pengkaji juga akan melihat sama ada terdapat perbezaan dimensi tingkah laku kepimpinan yang diamalkan di sekolah Menengah gred A dan B daerah Kinta I, Perak Darul Ridzuan.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian adalah untuk melihat tingkah laku kepimpinan pengetua wanita yang diamalkan di sekolah menengah ketika ini samaada berorientasi tugas atau berorientasikan pertimbangan.

Kajian ini akan mengenalpasi dimensi ciri-ciri tingkah laku kepimpinan yang diamalkan oleh pengetua wanita di dua buah sekolah Sekolah Menengah gred A dan gred B. Dengan menganalisis dimensi tingkah laku ini, diharap ianya dapat menggambarkan ciri-ciri tingkah laku kepimpinan pengetua wanita samada berorientasi tugas atau pertimbangan.

Kajian ini juga akan melihat samada wujud perbezaan ciri-ciri tingkah laku kepimpinan pengetua wanita di sekolah gred A dan B itu. Seterusnya mengenalpasi

sejauh mana gred, persekitaran dan budaya sekolah mempengaruhi tingkah laku pengetua ini dari sudut pandangan guru-guru.

1.4 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian melihat orientasi serta dimensi tingkah laku kepimpinan pengetua wanita menurut pandangan guru-guru di sekolah menengah gred A dan gred B yang mana ia merujuk kepada orientasi mementingkan tugas (initiation of structure) dan mementingkan pertimbangan (consideration).

Berorientasikan struktur tugas bermaksud pemimpin itu bertindak mengikut organisasi dan tindakan yang dilakukan adalah tindakan yang memberi implikasi dan memerlukan beliau menyusun hubungan dalam kelompok berdasarkan penjadualan tugas dan idea baru.

Berorientasikan pertimbangan pula bermaksud pemimpin bertindak untuk kakitangan. Pemimpin ini menunjukkan sikap timbang rasa, persahabatan, saling percaya-mempercayai, hormat-menghormati, kemesraan dan hubungan baik dengan kelompoknya.


Dalam kajian ini terdapat dua pemboleh ubah utama iaitu gred sekolah sebagai pemboleh ubah tak bersandar (bebas) dan corak tingkah laku pengetua wanita sebagai pemboleh ubah bersandar.

Perhubungan ini dilihat seperti rajah 1.1 dibawah:


Rajah 1.1

Hubungan pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah bebas



Pemboleh ubah bersandar



Pengkaji akan melihat apakah corak tingkah laku kepimpinan pengetua wanita di beberapa Sekolah Menengah Gred A dan B serta bagaimana gred sekolah mempengaruhi corak tingkah laku kepimpinan pengetua wanita itu.

1.5 Definisi Istilah

a. Tingkah laku

Menurut Kamus Pelajar (DBP,1994): Bermaksud sikap yang dapat dilihat daripada gerak geri atau gaya seseorang dalam melakukan sesuatu.

Menurut Kamus Dewan (DBP, 1986): Sebagai lagak atau perangai cara, jalan atau laku.

Dirumuskan bahawa tingkahlaku sebagai cara yang dilakukan oleh pengetua dalam proses pentadbiran sekolah samada disedari atau tidak terhadap kakitangan perguruannya.

b. Kepimpinan

Menurut Kamus Dewan (1994): Keupayaan sebagai pemimpin, daya seorang pemimpin

Oleh itu Kepimpinan sebagai satu proses mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu yang diinginkan oleh pengetua tersebut.

c. Tingkah laku kepimpinan

Gaya pentadbiran pengetua dan amalan penyeliaannya seperti melibatkan guru-guru dalam pembuatan keputusan, pembahagian tugas dan pengurusan hal yang berhubung kait dengan perjalanan kurikulum di sekolah.

Kajian ini melihat tingkah laku kepimpinan pada dua belas dimensi ciri-ciri dan seterusnya menjurus kepada dua struktur corak kepimpinan sama ada berorientasikan struktur tugas atau berorientasi pertimbangan.

d. Guru-guru

Semua guru-guru lelaki dan perempuan dalam yang mendapat latihan ikhtisas perguruan dan mengajar di tingkatan satu hingga enam di sekolah menengah berikut

Gred A : SMK Raja Permaisuri Bainun, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Gred B : SMK Kg Dato' Ahmad Said, Lebuhrampayan, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

e. Pengetua

Seorang individu yang dilantik oleh bahagian perjawatan, kementerian pendidikan Malaysia dan suruhanjaya perkhidmatan pendidikan (SPP) untuk mengetuai sebuah

sekolah Menengah dan menjadi ketua pentadbir yang mempunyai peranan dalam mempengaruhi perlakuan dan prestasi kerja guru. Bagi subjek kajian ini pengetua adalah terdiri dari individu yang telah berkhidmat sebagai pengetua melebihi 3 tahun.

f. Ciri-ciri Demografi guru-guru

Melibatkan perkara-perkara berkaitan latar belakang guru-guru tersebut seperti jantina, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan jangkamasa mengenali pengetua tersebut.

g. Struktur tugas

Satu gaya kepimpinan yang berorientasikan kerja yang dilakukan oleh subordinat dengan pemimpin menjalankan hubungan yang paling minima dengan subordinat.

h. Struktur pertimbangan

Satu gaya kepimpinan yang berorientasikan perikemanusiaan seorang pemimpin tentang kebajikan subordiat. Pemimpin ini amat mengambil berat dan mengeratkan hubungan dua hala disamping menceriakan persekitara suasana kerja

i. Sekolah Menengah Gred A

Menurut pekeliling pentadbiran, sekolah menengah besar yang mempunyai kelas menengah tingkatan satu hingga lima atau enam di mana terdapat 36 buah kelas atau lebih



j. Sekolah Menengah Gred B

Menurut pekeling pentadbiran, sekolah menengah besar yang mempunyai kelas menengah tingkatan satu hingga lima atau enam di mana terdapat 24 buah hingga 35 buah kelas yang diluluskan

1.6 Kepentingan Kajian

Pada masa ini profesion perguruan telah menarik perhatian umum dan masyarakat telah memberi pandangan terhadap perkembangan pendidikan dan pelbagai masalah di sekolah. Selama ini terdapat kekurangan dalam mengkategorikan kepimpinan wanita secara spesifik, terutamanya kepimpinan di peringkat sekolah. Kebanyakan daripada kajian mengenai pentadbiran sekolah tidak melihat peranan wanita secara khusus ia lebih kepada menggabungkan kesemua pengetua tanpa mengira jantina dan melihat kepuasan kakitangan bawahannya sama ada peringkat rendah, dan menengah.

Melalui kajian ini, ia akan menambah pengetahuan dan bahan rujukan tentang kepimpinan pengetua wanita. Selain itu ia dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah untuk merancang kursus khas, di samping dapat menilai tingkah laku pengetua wanita di kawasan masing-masing. Di samping itu dengan adanya kajian seumpama ini akan menjadi satu permulaan untuk meletakkan lebih ramai pengetua wanita di sekolah menengah di Malaysia.





Dalam kajian ini, ia juga turut melihat dari sudut penglibatan mereka dalam pembuatan keputusan, corak pengurusan sama ada berorientasikan struktur tugas atau berorientasi pertimbangan serta penglibatan aktiviti sosial mereka dalam beberapa dimensi kepimpinan. Ini akan membolehkan pengetua wanita baru dapat mengenalpasti corak pengurusan yang sesuai diamalkan.

Melalui kajian ini, kita dapat memperolehi maklumbalas terus dari guru-guru dengan melihat pandangan mereka tentang keberkesanan pengetua wanita dalam pengurusan dan pencapaian prestasi sekolah mereka. Oleh itu pengetua-pengetua wanita tersebut dapat meningkatkan kefahaman tentang diri dan kakitangan bawahannya. Kajian ini diharap dapat melihat hubungan penerimaan kakitangan terhadap cara kepimpinan pengetua wanita di sekolah mereka.



Zaman persekolahan dalam era 'millenium' ini memerlukan satu perubahan kepada kepimpinan sekolah dan diharapkan pengetua-pengetua wanita yang telah membuktikan kejayaan – kejayaan yang dicapai di sekolah mereka dapat mengisi kekosongan jawatan-jawatan di peringkat tertinggi dalam dunia pendidikan.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanyalah satu kajian kes dan terbatas kepada dua buah sekolah Menengah di Kawasan Kelompok 1, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan. Dapatan kajian ini hanya menggambarkan pandangan 60 orang guru di sekolah yang terlibat dan ini tidak dapat digunakan untuk digeneralisasikan kepada semua sekolah di Malaysia kerana sampel tidak mewakili keseluruhan populasi guru-guru di Malaysia.

Masalah juga berlaku dari segi keseimbangan responden kerana kebanyakan guru-guru kini adalah terdiri dari wanita berbanding lelaki. Begitu juga dari segi bangsa terdapat sekolah yang mempunyai bilangan majoriti guru berbangsa Melayu sahaja. Kajian ini menggunakan soal selidik dan temubual. Oleh itu dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan dan ini akan menentukan sama ada ia akan menghasilkan satu dapatan yang kabur atau pun tidak.

